

NOTIS PRIVASI UNTUK RAKAN NIAGA

1. Pendahuluan

- 1.1. Kami, PLUS Malaysia Berhad (No. Syarikat 201001039714 (923639-A)), anak syarikat dan syarikat bersekutu kami (secara kolektif selanjutnya disebut sebagai, "PLUS" atau "kami") menghormati hak privasi subjek data (selepas ini disebut sebagai, "anda") dan kami menghormati semua maklumat peribadi yang diberikan kepada kami.
- 1.2. Kami komited untuk melindungi semua maklumat peribadi yang disimpan oleh kami. PLUS terikat oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") dan semua undang-undang lain di Malaysia yang tergunapakai berkenaan dengan perlindungan privasi yang menetapkan prinsip-prinsip berkenaan dengan maklumat peribadi dan perlindungan pengguna di Malaysia.
- 1.3. Anda berobligasi untuk membaca Polisi Privasi penuh kami setiap kali sebelum memberikan Data Peribadi anda kepada kami. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada PLUS, anda dengan ini memberikan persetujuan untuk kami mengumpul, mengguna dan memproses Data Peribadi anda.
- 1.4. Anda dengan ini memahami dan memberikan persetujuan bahawa Data Peribadi anda boleh dipindahkan, disimpan, diguna dan diproses dalam bidang kuasa selain Malaysia, seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini atau di mana-mana pelayan kami yang berada di luar Malaysia.
- 1.5. Kecuali dinyatakan sebaliknya, definisi Notis Privasi untuk Rakan Niaga ini akan mengikuti definisi yang dinyatakan di bawah Polisi Privasi.

2. Jenis-Jenis Data yang Dikumpul

- 2.1. Sepanjang proses permohonan dan pendaftaran sebagai Rakan Niaga, kami dibenarkan mengumpul Data Peribadi berikut: -
 - nama;
 - nombor KP / pasport;
 - jantina;
 - alamat;
 - maklumat hubungan;
 - status perkahwinan;
 - kaum;
 - pekerjaan;
 - gambar dan rakaman video;
 - butiran keluarga termasuk pasangan, tanggungan dan saudara-mara;
 - butiran mengenai Personel, saksi dan rujukan;
 - butiran akaun bank; dan
 - rekod penjualan/ pendapatan (*point of sales*).

- 2.2 Kami juga boleh memperoleh maklumat peribadi anda dari sistem maklumat dan agensi pelaporan umum sedia ada berkaitan dengan kontrak kami dengan anda.
- 2.3 Kecuali dinyatakan sebaliknya, anda perlu untuk memberikan kami Data Peribadi seperti yang diminta dalam borang permohonan dan pendaftaran yang berkaitan. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa jika anda memilih untuk menahan, menarik balik atau mengehadkan persetujuan bagi kami untuk memproses Data Peribadi anda, kami berkemungkinan tidak dapat meneruskan hubungan komersial kami dengan anda dan kami berhak menolak permohonan anda untuk menjadi Rakan Perniagaan kami.
- 2.4 Jenis data yang dikumpulkan yang dinyatakan dalam Perenggan 2.1 di atas adalah tidak menyeluruh (*non-exhaustive*) dan dapat berubah sebagaimana yang dirasakan perlu oleh PLUS.

3. Data Peribadi Sensitif

- 3.1 Sekiranya dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, PLUS akan mendapatkan persetujuan daripada anda sebelum kami memproses Data Peribadi Sensitif anda.
- 3.2 PLUS akan memproses maklumat peribadi atau maklumat peribadi sensitif tanpa persetujuan anda hanya dalam situasi terhad seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia.

4. Sumber Data

- 4.1 Selain daripada Data Peribadi yang anda berikan kepada kami secara langsung, pihak kami juga boleh mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber seperti: -
 - apabila anda mengisi borang permohonan PLUS, borang pendaftaran atau borang lain;
 - apabila anda memberikan pertanyaan, maklum balas, aduan atau tuntutan;
 - dari sumber awam sedia ada seperti direktori-direktori;
 - dari interaksi anda dengan kami melalui laman media sosial kami, seperti mengikuti, memberi komen, menyukai atau menghantar pesanan kepada kami di laman tersebut;
 - apabila anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan kami di mana-mana acara, aktiviti atau melalui surat menyurat;
 - daripada mana-mana entiti atau bahagian kami serta syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan PLUS (ini termasuk entiti-entiti dalam Kumpulan Syarikat PLUS);
 - dengan mengunjungi, berinteraksi, berkomunikasi dengan kami dan

menggunakan perkhidmatan kami di platform atas talian kami, Data Peribadi anda juga boleh dikumpul dari kuki, suar web, GPS dan kaedah-kaedah teknikal lain yang boleh melibatkan penghantaran Data Peribadi sama ada secara langsung kepada kami atau kepada Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa untuk mengumpul maklumat bagi pihak kami yang digunakan di platform atas talian tersebut.

- 4.2 Platform dalam talian yang dimiliki oleh kami boleh dihubungkan ke Laman Pihak Ketiga. Polisi Privasi ini tidak terpakai untuk Laman Pihak Ketiga kerana laman tersebut adalah di luar kawalan kami. Sekiranya anda memilih untuk mengakses Laman Pihak Ketiga menggunakan pautan yang disediakan, pengendali laman tersebut boleh mengumpulkan maklumat peribadi anda. Anda perlu membaca dan memberikan persetujuan Polisi privasi Laman Pihak Ketiga sebelum menyerahkan sebarang maklumat peribadi. Kami tidak akan bertanggungjawab di sisi undang-undang atau sebaliknya untuk aktiviti, Polisi privasi atau tahap pematuhan privasi Laman Pihak Ketiga.

5. Tujuan Penggunaan Data

- 5.1 Kami mengumpulkan Data Peribadi untuk tujuan berikut:

- untuk menilai dan memproses permohonan dan pendaftaran anda sebagai Rakan Niaga; untuk menilai kesesuaian untuk terlibat dalam transaksi perniagaan;
- untuk memenuhi tanggungjawab kontrak kami;
- untuk menjawab sebarang pertanyaan;
- untuk memberitahu mengenai aduan Pelanggan;
- untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan oleh Rakan Niaga di mana-mana platform atas talian kami;
- untuk menyediakan perkhidmatan seperti komunikasi, maklumat, produk atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh PLUS kepada anda
- untuk memproses penyertaan dalam sebarang acara, aktiviti, peraduan, promosi, undian atau tinjauan yang dianjurkan oleh PLUS;
- untuk tujuan pentadbiran, pengurusan dan operasi dalaman PLUS, seperti pengauditan, analisis data dan rekod pangkalan data;
- untuk penyelidikan termasuk kajian mengenai sejarah, statistik dan untuk tujuan memperbaiki perkhidmatan dan produk;
- untuk memadamkan data yang berkaitan dengan anda yang disimpan oleh kami atau mana-mana syarikat berkaitan kami dari semasa ke semasa;
- untuk membolehkan kami memantau, menganalisis semula dan memperbaiki produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami;

- untuk penilaian dan analisis pasaran, Pelanggan; produk dan perkhidmatan kami, termasuk meminta pendapat anda mengenai produk dan perkhidmatan kami;
- untuk memberi anda hubungan komunikasi yang kerap (selain bahan pemasaran langsung) dari kami;
- untuk pengiraan dan caj komisen penjualan yang perlu dibayar oleh anda;
- untuk penyiasatan mengenai aduan, tuntutan, transaksi yang mencurigakan atau meragukan;
- untuk memenuhi permintaan akses data anda dan untuk memudahkan operasi harian kami;
- untuk memenuhi kehendak undang-undang atau peraturan atau sebagaimana yang dibenarkan di bawah undang-undang atau peraturan;
- untuk menguruskan risiko seperti risiko berkaitan komersial, risiko ketidakpatuhan, risiko perolehan dll.;
- untuk tujuan pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
- untuk sebab-sebab lain seperti yang telah diberikan persetujuan oleh anda.

5.2 Sekiranya anda tidak memberikan persetujuan untuk kami memproses Data Peribadi anda untuk Tujuan-Tujuan seperti yang dinyatakan di Perenggan 5.1, sila maklumkan kepada kami dengan menggunakan Maklumat Untuk Dihubungi yang dinyatakan di Perenggan 12 di bawah.

6. Penzahiran Data Peribadi

6.1 Kami boleh mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak berikut:

- Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa kami;
- syarikat kami yang berkaitan, bersekutu atau gabungan(termasuk entiti dalam Kumpulan Syarikat PLUS);
- mana-mana Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa atau syarikat yang berkaitan, bersekutu atau gabungan untuk menyediakan produk / perkhidmatan yang berkaitan dengan perniagaan mereka, sama ada di dalam atau di luar Malaysia tertakluk kepada kawalan keselamatan yang mencukupi terhadap maklumat tersebut seperti perkhidmatan pemprosesan data, sistem dan penyelenggaraan laman web, media dan perkhidmatan pemasaran, perkhidmatan penghantaran, audit dan perbankan;
- mana-mana penerima serah hak, penerima hak milik ('transferee'), peserta atau sub-peserta yang sebenar atau dicadangkan berkenaan hak atau perniagaan PLUS berhubungkait dengan perniagaan sebenarnya atau cadangan dll.;

- mana-mana individu yang menjadi kewajiban bagi kami untuk membuat penzahiran di bawah kehendak undang-undang, kaedah, peraturan, perintah mahkamah, kod amalan atau panduan yang mengikat kami termasuk dan tidak terhad kepada mana-mana pengawal selia yang berkaitan, badan kerajaan, atau badan industri yang diakui, dan jika dikehendaki oleh undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan
 - kepada pihak-pihak yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.
- 6.2 Kami boleh mendedahkan maklumat peribadi anda jika diminta untuk melakukannya oleh undang-undang atau dengan suci hati, jika tindakan tersebut diperlukan untuk:-
- mematuhi sebarang keperluan daripada badan-badan Kerajaan, badan kawal selia atau agensi penguatkuasa undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; atau
 - melindungi dan mempertahankan hak atau harta Kumpulan Syarikat PLUS dan penggunaanya.
- 6.3 Kami berkemungkinan menjual atau membeli syarikat, anak syarikat, atau unit perniagaan untuk terus mengembangkan perniagaan kami. Dalam urusan niaga tersebut, maklumat anda boleh didedahkan kepada pihak ketiga yang terlibat dalam transaksi tersebut.

7. Hak-Hak dan Pilihan-Pilihan

- 7.1 Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan, aduan, permintaan akses atau pembetulan, atau permintaan untuk kami mengehadkan pemprosesan berkenaan Data Peribadi anda berkenaan dengan Tujuan Penggunaan Data seperti di dalam Perenggan 5 di atas, sila hubungi kami menggunakan Maklumat Untuk Dihubungi seperti di Perenggan 12.
- 7.2 Kami berhak untuk mengenakan bayaran untuk akses Data Peribadi anda dalam jumlah yang dibenarkan di bawah undang-undang. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/ atau membetulkan Data Peribadi anda, kami berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/ atau membuat sebarang pembetulan kepada Data Peribadi anda atas sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang, contohnya apabila kesan menyediakan akses kepada anda adalah tidak sepadan dengan risiko privasi terhadap anda atau orang lain.
- 7.3 Sekiranya anda berhasrat untuk mengehadkan hak kami untuk memproses Data Peribadi anda, anda boleh menghubungi kami secara bertulis melalui alamat e-mel di Perenggan 12 di bawah.
- 7.4 Sekiranya anda tidak mahu Data Peribadi anda dikumpulkan melalui kuki di platform atas talian, anda boleh menyahaktifkan kuki dengan melaraskan tetapan

pelayar internet anda untuk melumpuhkan, menyekat atau menyahaktifkan kuki, dengan memadamkan sejarah semak imbas anda dan membersihkan cache dari pelayar internet anda.

8. Data Peribadi daripada Seseorang di Bawah Umur dan Orang Lain

- 8.1 Sekiranya Data Peribadi seseorang di bawah umur (individu di bawah umur lapan belas (18) tahun) diberikan kepada kami, sebagai ibu bapa atau penjaga sah mereka, anda dengan ini memberikan persetujuan untuk pemprosesan Data Peribadi seseorang di bawah umur tersebut dan secara peribadi menerima dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi ini dan bertanggungjawab untuk tindakan-tindakan kanak-kanak tersebut
- 8.2 Dalam sesetengah keadaan, anda boleh memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan individu-individu lain seperti pasangan, ahli-ahli keluarga atau rakan-rakan anda dan dalam keadaan sedemikian anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah diberi kuasa untuk memberikan Data Peribadi mereka kepada kami dan anda telah memperolehi persetujuan mereka untuk pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi mereka mengikut cara yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini.

9. Penyimpanan Dan Pelupusan Data Peribadi

- 9.1 Data Peribadi yang dikumpulkan akan disimpan oleh kami untuk jangka masa yang dibenarkan / dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, yang boleh berlanjutan sehingga tempoh selepas penamatan hubungan kontrak anda dengan kami.
- 9.2 Sekiranya Data Peribadi tidak diperlukan lagi, Data Peribadi tersebut akan dilupuskan mengikut polisi dan prosedur berkaitan pelupusan data PLUS kecuali jika undang-undang di Malaysia menghendaki data tersebut diarkibkan untuk kepentingan umum.

10. Keselamatan Data

Kami memastikan keselamatan Data Peribadi seperti berikut:

- sistem kawalan keselamatan yang mencukupi dengan menggabungkan kawalan akses elektronik dan fizikal, teknologi *firewall* dan langkah-langkah keselamatan lain untuk melindungi keselamatan dan privasi Data Peribadi anda;
- Personel kami hanya mempunyai akses kepada Data Peribadi anda berdasarkan asas

"perlu tahu"; dan

- Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa kami telah menerapkan langkah-langkah keselamatan yang sesuai berdasarkan kontrak kami dengan mereka.

11. Pindaan Selanjutnya Dan Pertikaian

- 11.1 Kami berhak untuk mengemas kini dan/ atau meminda Notis Privasi ini. Oleh yang demikian, anda berobligasi untuk membaca Notis Privasi ini setiap kali anda ingin memberikan Data Peribadi anda kepada PLUS.
- 11.2 Sekiranya anda terus memberikan Data Peribadi anda dalam apa-apa bentuk, contohnya, e-mel, panggilan telefon, surat dll., anda akan dianggap telah menerima perubahan di dalam Notis Privasi kami.
- 11.2 Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi dan digunapakai.

12. Maklumat Untuk Dihubungi

Sekiranya anda ingin sebarang membuat pertanyaan, aduan, akses atau permintaan pembedahan atau permintaan untuk PLUS menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang berkaitan dengan Tujuan Penggunaan Data seperti yang diperuntukkan di bawah Perenggan 5 di atas, hubungi kami di:--

Ketua Jabatan Pematuhan & Jaminan
Email to: compliance@plus.com.my